

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

21 February 2016

Tiga prinsip politik Najib

Oleh **HUSSAINI AMRAN**
hussaini.amran@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 FEB.

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, beliau sentiasa berpegang teguh kepada tiga prinsip sepanjang 40 tahun penglibatannya dalam politik.

Perdana Menteri memberitahu, prinsip pertama yang dipegangnya bagi memastikan kejayaan dalam politik adalah mencari lebih banyak kawan berbanding musuh.

Menurut beliau, rakan-rakan tetap bersamanya mengharungi detik-detik susah, senang dan mencemaskan.

"Saya tetap kenang budi baik dan persahabatan, saya tetap akan bantu rakan-rakan.

"Sebab itu persahabatan kita

kekal sampai hari ini dan kesetiaan ini amat saya harga," katanya ketika berucap dalam majlis kesyukuran sempena 40 tahun penglibatan beliau dalam politik di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) malam ini.

Prinsip kedua yang dipegang katanya ialah beliau tidak pernah bertanding untuk menjatuhkan pihak lain.

Najib yang juga Presiden UMNO memberitahu, rekodnya dalam politik menunjukkan beliau hanya menawarkan diri untuk bertanding bila wujud kekosongan jawatan di peringkat bahagian atau Pusat.

Mengenai prinsip ketiga, Najib menyatakan, beliau tidak pernah membeli undi bagi memenangi apa-apa jawatan.

"Kalau tidak percaya boleh tanya Timbalan Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, beliau pernah jadi Setiausaha Politik saya pada 1986," ujarnya.

Beliau menyatakan, sebagai anak Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, amalan politik wang sentiasa dijauhinya.

"Saya anakanda Allahyarham Tun Razak yang membina UMNO, saya tidak akan jadi anak yang merosakkan parti," jelasnya.

Secara keseluruhan, Perdana Menteri menyifatkan perjalanan politik beliau sejak 40 tahun lalu penuh dengan kisah pahit, manis, getir, suka dan duka.

Namun, beliau berpandangan, kerjaya sebagai ahli politik adalah yang paling sesuai bagi sesiapa yang berhasrat membantu rakyat dan mengubah masa depan negara.

Waktu Solat

KUALA LUMPUR dan kawasan sekitarnya
6.10 7.25 1.30 4.47 7.29 8.39

PULAU PINANG dan kawasan sekitarnya
6.16 7.31 1.35 4.53 7.33 8.43

KUANTAN dan kawasan sekitarnya
6.04 7.21 1.24 4.42 7.24 8.34

JOHOR BAHRU dan kawasan sekitarnya
6.00 7.17 1.21 4.38 7.22 8.32

KUCHING dan kawasan sekitarnya
5.35 6.52 12.56 4.13 6.57 8.07

um - 21/2/2016